



**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
WILAYAH PERSEKUTUAN**
ARAS G-6, RUMAH PERSEKUTUAN
JALAN SULTAN HISHAMUDDIN
50678 KUALA LUMPUR
MALAYSIA



Tel. : 03-2610 3300
Faks.: 03-2610 3499
Laman Sesawang: www.ptgwp.gov.my

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : PTG/WP16/134 (88)
Tarikh : 12 November 2020

Badan Peguam Malaysia

No. 13, 15 & 17,
Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur

Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur

4th Floor,
Wisma Hangsam,
No. 1, Jalan Hang Lekir,
50000 Kuala Lumpur

Jawatankuasa Peguam Selangor

No. 41, Jalan Bola Jaring 13/15,
Seksyen 13,
40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**PEMBERITAHUAN PENUTUPAN PREMIS PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa satu (1) kes positif ujian saringan COVID-19 telah dilaporkan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPTGWPKL). Sehubungan dengan itu, premis PPTGWPKL akan **ditutup mulai Khamis, 12 November 2020 sehingga Jumaat, 20 November 2020** bagi membolehkan tindakan lanjut diambil mengikut SOP yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

3. Berikutan daripada penutupan tersebut, perkara-perkara berikut akan dikuatkuasakan sepanjang tempoh tersebut:

- 3.1 Pengecualian denda lewat bagi perserahan urusan niaga** yang tamat pada tempoh di antara 12 November 2020 sehingga 20 November 2020. Diberikan **pelanjutan tempoh masa selama satu (1) bulan** daripada tarikh tamat asal;
- 3.2 Pengecualian denda lewat bagi kutipan hakmilik** yang tamat pada tempoh di antara 12 November 2020 sehingga 20 November 2020. Diberikan **pelanjutan tempoh masa selama satu (1) bulan** daripada tarikh tamat asal;
- 3.3 Pelanjutan tempoh selama satu (1) bulan** daripada tarikh asal semua **Surat Kebenaran Pindahmilik/Gadaian/Pajakan** yang tamat tempoh di antara 12 November 2020 sehingga 20 November 2020; dan

Sehatu Kita Kota



SIRIM

3.4 Penangguhan semua sesi siasatan lelongan awam dan hakmilik hilang yang telah ditetapkan di antara tarikh 12 November 2020 sehingga 20 November 2020. Pentadbiran ini akan menetapkan tarikh yang baru dan akan dimaklumkan secara bersurat kepada pihak yang terlibat.

4. Pegawai-pegawai berikut adalah diberikan kuasa untuk memberi pengecualian bagi perkara-perkara yang dinyatakan di perenggan 3(i), (ii) dan (iii) di atas.

- 4.1 Puan Nor Laili Bt Safiin Penolong Pengarah Bahagian Pendaftaran;
- 4.2 Puan Umi Khalsum binti Omar, Penolong Pengarah Bahagian Pendaftaran;
- 4.3 Puan Nurul Kamsiah Hanim binti Md Yusof, Penolong Pengarah Bahagian Pendaftaran;
- 4.4 Puan Norlina binti Mohd Mokhtar, Penolong Pengarah Bahagian Pendaftaran;
- 4.5 Puan Suhaili binti Abdul Hamid, Penolong Pengarah Bahagian Pendaftaran; dan
- 4.6 Encik Md Zairi Ariffin bin Md Zali, Penolong Pengarah Bahagian Pendaftaran.

5. Pentadbiran ini turut ingin memaklumkan bahawa semua operasi secara *online* yang melibatkan Carian Persendirian, Permohonan Kebenaran Pindahmilik, dan bayaran-bayaran Cukai Tanah dan Cukai Petak masih berjalan seperti biasa, dan boleh dilaksanakan melalui gerbang Portal Rasmi PPTWGPKL dan gerbang *Single Window Search* (SWS). Berikut adalah maklumat perhubungan pegawai Bahagian Pendaftaran sepanjang penutupan premis PPTGWPKL:

Bil.	Nama	Jawatan	Urusan	Emel
1	Nor Laili Bt Safiin	Penolong Pengarah	Semua Urusan	laili@ptgwp.gov.my
2	Umi Khalsum binti Omar	Penolong Pengarah	Perserahan Urusniaga dan Bukan Urusniaga Hakmilik Tanah dan Strata	umikhalsum@ptgwp.gov.my
3	Nurul Kamsiah Hanim binti Md Yusof			nkhanim@ptgwp.gov.my
4	Norlina binti Mohd Mokhtar	Penolong Pengarah	Permohonan Hakmilik Hilang dan Pendaftaran Hakmilik	norlina@ptgwp.gov.my

6. Pentadbiran ini memohon maaf di atas segala kesulitan yang timbul dipihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

MUHAMMAD YASIR BIN YAHYA
Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan

☎ : 03-26103301

✉ : yasir@ptgwp.gov.my